

Annona di Paya Laut

Famili : Annonaceae
Genus : *Annona*
Spesies : *Annona glabra*



Satu penemuan penting telah dicatatkan semasa Ekspedisi Saintifik Kepelbagai Biologi Hutan yang diadakan di Hutan Paya Laut Matang, iaitu penemuan spesies *Annona glabra* yang tumbuh di kawasan tersebut.

Spesies ini adalah dari genus yang sama dengan Durian Belanda (*A. muricata*) dan Nona kapri (*A. squamosa*). *A. muricata* dan *A. squamosa* berasal dari Amerika Tengah, manakala *A. glabra* pula berasal dari bahagian timur Afrika.

Terdapat pelbagai persoalan mengapa spesies ini boleh tumbuh di kawasan Paya Laut Matang, Perak. Species ini tidak akan ditanam oleh penduduk setempat kerana buahnya yang tidak boleh dimakan. Biji benih tumbuhan ini mungkin telah dihanyutkan dan disebarluaskan dari Timur Afrika melalui Lautan India. Ini merupakan satu contoh penyebaran biji benih jarak jauh di sepanjang kawasan Asia Pasifik, seperti kelapa dan nipah. Tumbuhan ini turut dijumpai tumbuh di kawasan Mersing, Johor.